

<http://l.facebook.com/l.php?u=http%3A%2F%2Fkampusuols.com%2Farticle%2F84%2FU-In&h=ATMkgeq4DqOTzzXOZslsx6->

Ini baru mantap! Pelajar dan pensyarah politeknik ini gabung tenaga bina rumah

Wartawan Kampus Uols 6 February 2018



Seramai 33 pelajar dan 18 pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Salahuddin sekali lagi diberi kepercayaan membina dua buah rumah komuniti di Kampung Sesapan Kelubi, Beranang dan Sawah Sempadan, Kuala Selangor

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Kol Bersekutu (PA) Tajuddin Abdul Rashid berkata, projek di bawah pembiayaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Selangor.

“Peluang dan kepercayaan ini membuktikan bahawa kebolehan pelajar jabatan berkaitan dalam merealisasikan pembinaan Rumah Komuniti Baiti Jannati sekali gus meningkatkan lagi kemahiran dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan pensyarah dan pelajar,” katanya.

“Berkat komitmen dan kesungguhan serta sokongan daripada pelbagai pihak, maka pembinaan rumah disempurnakan dengan jayanya. Tahniah dan terima kasih atas sumbangan bakti serta usaha murni ini,” katanya.